

PERSAMAAN ANTARA LELAKI, WANITA DAN ORANG BUKAN MUSLIM SEBAGAI HUKUM PELAKSANAAN QISAS” PEMBALASAN”: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

Ahmad Muhammad Husni

Department of Fiqh & usul al-Fiqh

AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences (AHAS KIRKHS),

IUM Gombak Campus. P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, International Islamic University Malaysia.

Email: ahmedking25@gmail.com & ahmedking25@iiu.edu.my

Amin Muhammad Husni

Kolej Dar al-Hikmah, Sg. Ramal Dalam

43000 Kajang, Selangor, Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Islam merupakan agama yang adil, yang meliputi segenap aspek kehidupan manusia serta turut menekankan kepentingan nilai nyawa dan keharmonian kehidupan manusia. Hal ini dapat dilihat melalui penetapan hukuman terhadap setiap kategori kesalahan atau jenayah yang dilakukan manusia. Justeru itu, artikel ini ditulis bagi mengkaji, sama ada wujud atau tidak persamaan diantara lelaki dan wanita serta muslim dan bukan muslim apabila mereka melakukan jenayah yang mewajibkan hukuman qisas dan adakah persamaan tersebut telah memberikan hak kepada pemerintah untuk melaksanakan hukuman qisas terhadap mereka apabila disabitkan dengan jenayah qisas. Metodologi yang digunakan berbentuk kajian keperustakaan melalui kaedah analisis dokumen seperti al-Quran, Sunnah dan buku-buku ilmiah. Artikel ini bertujuan memperjelaskan dan menambahkan pengetahuan mengenai hal atau isu-isu yang berkaitan dengan qisas. Hasil daripada penulisan ini, dapat dinyatakan bahawa wujudnya beberapa persamaan diantara lelaki dan wanita serta muslim dan bukan muslim di dalam pelaksanaan qisas dan persamaan tersebut telah membolehkan pemerintah untuk melaksanakan qisas terhadap mereka apabila dibuktikan mereka bersalah. Selain itu, turut didapati bahawa tidak semua jenayah pembunuhan di dalam Islam dihukum menggunakan qisas. Hal ini demikian kerana hukuman qisas dapat digururkan apabila penjenayah menerima kemaafan dari pihak mangsa serta ianya dapat diganti menggunakan hukuman lain seperti pembayaran diat.

Kata kunci: Persamaan, Qisas, Lelaki, Wanita, Non-Muslim & Pelaksanaan

PENDAHULUAN

Persamaan antara lelaki wanita dan bukan muslim merupakan persamaan diantara mereka dalam pelaksanaan hukuman qisas. Ini bermaksud, sekiranya ada dikalangan mereka yang melakukan jenayah yang membawa kepada hukuman qisas mereka perlu dihukum. Di dalam isu berkaitan persamaan dalam melaksanakan qisas ini, Allah telah menjelaskannya iaitu apabila berlaku jenayah orang yang merdeka akan diqisas dengan yang merdeka, hamba dengan hamba dan wanita dengan wanita. Ini merupakan persamaan atau *musawah* yang telah diharuskan didalam Islam. Namun apabila wujud kes yang bertentangan dengan persamaan-persamaan tersebut adakah kewajipan qisas tersebut terus gugur. Jesteru itu, bagi menjawab persoalan tersebut, artikel ini ditulis bagi melihat sama ada wujud persamaan lain diantara lawan jantina atau yang berbeza agama di dalam perihal kewajipan melaksanakan hukuman qisas apabila jenayah yang menyeru kepadanya dilakukan. Melalui penulisan ini, dapat diketahui bahawa selain persamaan yang telah ditetapkan di dalam al-Quran, terdapat persamaan lain yang wujud yang mewajibkan hukuman qisas dilaksanakan apabila berlakunya jenayah yang mengakibatkan hukuman qisas.

QISAS

Definisi

Qisas dari sudut bahasa bermaksud mengikut jejak. (Wahbah al-Zuhaili 2010: 246) Oleh itu, pembunuh akan dikenakan hukuman yang sama dengan tindakannya yang membunuh orang lain. (al-Jaizairi 2011: 748) Iaitu pembunuh akan dibunuh balas kerana telah membunuh mangsanya.

Menurut istilah pula, qisas ialah hukuman yang dikenakan keatas penjenayah sama seperti jenayah yang dilakukannya keatas mangsa. Iaitu pembalasan yang setara atau sama misalnya apabila membunuh dibalas bunuh, mencederakan dibalas dengan mencederakan dan memotong anggota dibalas dengan memotong anggota. (Lukman Abd Mutalib 2014: 117)

Pensyariatan Qisas

Penetapan hukum wajib melaksanakan qisas terhadap penjenayah yang telah melakukan jenayah-jenayah yang mengakibatkan hukuman qisas adalah berdasarkan kepada dalil daripada al-Quran, sunnah, ijma^e dan pertimbangan akal. (Wahbah al-Zuhaili 1997: 275) Antaranya dalil-dalil kewajipan tersebut ialah:

Firman Allah s.w.t:

Maksudnya: *“Wahai orang-orang Yang beriman! Diwajibkan keatas kamu (melaksanakan) qisas berkenaan dengan orang yang dibunuh. Orang merdeka dengan merdeka, hamba dengan hamba, perempuan dengan perempuan. Tetapi barang siapa memperoleh kemaafan dari saudaranya, hendaklah dia mengikutinya dengan baik, dan membayar diat (tebusan) kepadanya dengan baik (pula). Yang demikian itu adalah keringanan dan rahmat dari Tuhanmu. Barangsiapa yang melampaui batas setelah itu, maka dia akan mendapat azab yang pedih. Dan di dalam qisas itu ada (jaminan) kehidupan bagimu, wahai orang-orang yang berakal, agar kamu bertaqwa.”* (al-Baqarah 2: 178-179)

Berdasarkan kepada ayat *“diwajibkan keatas kamu”* menjelaskan bahawa sekiranya berlaku pembunuhan diantara orang yang merdeka dengan merdeka maka darah mereka adalah setara, ini bermaksud darah pembunuh adalah setaraf dengan darah mangsa. Oleh itu yang wajib diqisas hanyalah pembunuh tersebut bukannya orang lain dan haram untuk membunuh selain pembunuh. Justeru itu, maksud bagi perintah wajib di dalam ayat adalah kewajipan melakukan qisas terhadap pembunuh bukannya bermaksud wajibnya qisas itu sendiri sepertimana wajibnya solat dan puasa yang tidak boleh ditinggalkan. (Abu Ja'far 2008: 19).

Firman Allah s.w.t:

Maksudnya: *“Dan Kami telah tetapkan atas mereka di Dalam Kitab Taurat itu, Bahawa jiwa dibalas Dengan jiwa, dan mata dibalas Dengan mata, dan hidung dibalas Dengan hidung, dan telinga dibalas Dengan telinga, dan gigi dibalas Dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). tetapi sesiapa Yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa Yang tidak menghukum Dengan apa Yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang Yang zalim.”* (al-Maidah 5: 45)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa hukum qisas turut berlaku di dalam syariat samawi yang terdahulu iaitu Yahudi. (Wahbah al-Zuhaili 2011: 543) Malah sehingga sekarang tiada sebarang perintah yang datang untuk memansuhkan perkara tersebut. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa, hukuman qisas telah lama wujud dan ianya adalah wajib untuk dilaksanakan walaupun pada hari ini.

Sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: *“Tidak halal darah seorang muslim yang bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan aku adalah utusan Allah kecuali dengan tiga perkara: iaitu pelaku zina yang telah berkahwin, pembunuh jiwa orang lain dan orang yang meninggalkan jemaah kaum muslimin (murtad).”* (Ahmad)

Umat Islam telah berijma' bahawa hukum melaksanakan qisas adalah wajib. Logik akal turut menyatakan bahawa pelaksanaan qisas adalah perlu, sama ada sebagai satu bentuk keadilan terhadap mangsa atau sebagai satu cara bagi mengawal keselamatan umum, memelihara darah, melindungi nyawa serta sebagai satu gertakan kepada penjenayah. Matlamat-matlamat tersebut pastinya tidak akan tercapai tanpa pelaksanaan qisas. Ini kerana pada penetapan tersebut terkandungnya jaminan hak kehidupan seluruh masyarakat. (Wahbah al-Zuhaili 1997: 277)

Jenis-jenis Jenayah Qisas

Jenayah qisas merupakan jenayah khusus yang melibatkan diri manusia itu sendiri. Jenayah qisas dapat dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu yang mengakibatkan kematian dan yang mengakibatkan kecederaan. (Lukman Abd Mutalib 2014: 118) Malah, hukuman bagi jenayah qisas tidak dilaksanakan terhadap semua jenis jenayah yang melibatkan jiwa. Ini kerana jenayah yang terjadi kadangkala bersifat sengaja, seperti sengaja dan kadangkala tersalah. (Sayyid Sabiq 2009: 250)

Jenayah yang mewajibkan qisas adalah pembunuhan dan kecederaan yang dilakukan secara sengaja oleh penjenayah terhadap mangsanya. Pembunuhan merupakan satu tindakan menghilangkan nyawa atau mematikan. (Wahbah al-Zuhaili 2011: 542) Manakala pembunuhan sengaja adalah pembunuhan yang dilakukan oleh mukalaf keatas orang lain yang mana darahnya adalah dilindungi dengan menggunakan alatan yang pada kebiasaannya adalah membunuh atau boleh mematikan. (Sayyid Sabiq 2009: 250)

Menurut pandangan al-Mawardi, pembunuhan sengaja adalah apabila seseorang dengan sengaja membunuh satu jiwa menggunakan sesuatu yang boleh memotong seperti besi atau sesuatu yang boleh menembusi daging seperti yang dapat ditembusi oleh besi atau alatan yang kebiasaannya boleh membunuh disebabkan beratnya seperti batu dan kayu. Menurut beliau lagi, kesemua tersebut merupakan pembunuhan sengaja yang mewajibkan qisas terhadap pelakunya. (al-Mawardi 1993: 373)

Pelaksanaan Qisas

Tidak terdapatnya sebarang perselisihan pendapat dikalangan para ulama dalam menyatakan bahawa pelaksana hukuman qisas terhadap penjenayah merupakan tugas penguasa ataupun pemerintah. (al-Jazairi 2011: 751) Oleh itu, ahli waris tidak berhak untuk melakukan qisas keatas penjenyah. Namun demikian, mereka berhak untuk memohon atau meminta pemerintah untuk melaksanakan qisas tersebut. Ahli waris tidak diberi hak untuk melaksanakan qisas adalah kerana hendak mengelakkan daripada daripada berlakunya tindakan zalim dan penguasaan orang kafir terhadap muslim. Justeru itu, apabila tiada ahli waris yang menuntut atau memohon untuk dilaksanakan qisas keatas penjenyah, maka pemerintah tidak berhak untuk mengqisas penjenyah tersebut melainkan pemerintah tersebut merupakan ahli waris mangsa. (al-Syarbaini 2006:44)

Perkara ini jelas berdasarkan kepada firman Allah:

Maksudnya: *“Wahai orang-orang Yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "Qisas" (balasan Yang seimbang) Dalam perkara orang-orang Yang mati.”* (al-Baqarah 2: 178)

Mengenai cara pelaksanaannya, ulama Mazhab Hanbali menyatakan qisas terhadap nyawa hanya boleh dilakukan menggunakan pedang sahaja walaupun jenayah tersebut dilakukan menggunakan selain pedang seperti batu dan tongkat atau sesuatu yang haram seperti sihir. Manakala, mazhab Maliki dan Shafi'i menyatakan, penjenayah akan diqisas sama seperti cara yang dilakukannya terhadap mangsa dan penggunaan pedang adalah didalam kes yang melibatkan sihir, arak atau liwat. Justeru itu, penggunaan pedang menjadi satu kelaziman kerana ianya merupakan alat yang paling cepat mematikan serta dapat mengelakkan kesakitan dan siksaan. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat alatan lain yang lebih cepat mematikan, lebih mengurangkan kesakitan dan siksaan, maka tiada halangan syarak untuk digunakan. (Wahbah al-Zuhaili 1997: 301).

PERSAMAAN ANTARA LELAKI DAN WANITA DALAM QISAS

Jenayah Pembunuhan

Hukuman qisas dilaksana berasaskan kepada persamaan dari sudut perbuatan jenayah, sama ada ianya telah mengakibatkan kematian atau kecederaan. Oleh itu, persamaan dari aspek ini sahaja yang diberi perhatian oleh syariat Islam dan bukannya persamaan dari aspek-aspek lain yang berkaitan dengan diri penjenayah seperti jantina, warna kulit atau kedudukan. (Paizah 2004: 116) Justeru itu, apabila berlakunya sesuatu kes pembunuhan, perkara utama yang akan diberi penekanan atau tumpuan adalah persamaan nilai hidup dan nyawa. (Paizah 2004: 121) Merujuk kepada persamaan ini, terdapat sebahagian ulama yang berpendapat bahawa hukuman qisas adalah wajib terhadap setiap orang yang melakukan jenayah pembunuhan secara sengaja, tanpa perlu melihat sama ada penjenayah tersebut lelaki atau wanita dan begitu juga mangsanya, sama ada lelaki atau wanita. (Paizah 2004: 116).

Al-Mawardi menjelaskan, di dalam kes pembunuhan sengaja, wujudnya persamaan hukuman antara wanita dan lelaki yang mana apabila seorang lelaki membunuh seorang wanita, dia akan dihukum qisas dan begitu juga apabila seorang wanita membunuh seorang lelaki, wanita tersebut turut akan diqisas. (al-Mawardi 1993: 375) Hal ini demikian kerana, di dalam had qazaf, wanita dihukum sama seperti lelaki, maka pastinya persamaan tersebut juga wujud di dalam hukuman qisas. (Mustafa al-Zuhaili 2012: 169) Oleh itu, telah ditetapkan bahawa seorang lelaki boleh diqisas apabila membunuh seorang wanita dan ini menunjukkan bahawa kedudukan wanita adalah sama dengan lelaki di dalam menjalani hukuman qisas. (Uthman al-Khasyt 2010: 433)

Persamaan ini dapat dibuktikan melalui firman Allah:

“Wahai orang-orang Yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "Qisas" (balasan Yang seimbang) Dalam perkara orang-orang Yang mati dibunuh iaitu: orang merdeka Dengan orang merdeka, dan hamba Dengan hamba, dan perempuan Dengan perempuan.” (al-Baqarah 2: 178)

“Dan Kami telah tetapkan atas mereka di Dalam Kitab Taurat itu, Bahawa jiwa dibalas Dengan jiwa, dan mata dibalas Dengan mata, dan hidung dibalas Dengan hidung, dan telinga dibalas Dengan telinga, dan gigi dibalas Dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang).” (al-Maidah 5: 45)

Ringkasnya ayat-ayat berikut difirmankan secara umum tanpa sebarang perbezaan diantara satu jiwa dengan yang lain, yang mana kalimah “النَّفْسَ بِالنَّفْسِ” telah menunjukkan wajib qisas hanya pada pembunuh, manakala kalimah “الْحَرْبَ بِالْحَرْبِ” pula mewajibkan persamaan dan kesetaraan di dalam hal pembunuhan. Aspek persamaan dan kesetaraan ini sudah cukup sebagai satu gambaran terhadap persamaan antara manusia. (Uthman al-Khasyt 2010: 433)

Ibnu Kathir, di dalam tafsirnya mengenai ayat 45 di dalam surah al-Maidah menjelaskan bahawa ayat tersebut merupakan salah satu daripada cemuhan dan kecaman daripada Allah terhadap kaum Yahudi kerana mereka telah menentang perintah yang telah termaktub di dalam Taurat supaya melakukan qisas nyawa dengan nyawa. Mereka telah mengqisas seorang Nadir kerana membunuh seorang Qurazi, namun mereka tidak mengqisas seorang Qurazi apabila membunuh seorang Nadir. Hukuman yang dikenakan hanyalah perlu memberi diat kepada seorang Nadir tersebut. Selain itu, mereka tidak membela golongan yang dianiaya dan tidak berlaku adil serta menyamakan hak sesama manusia. (Ibnu Kathir 2001: 471)

Melalui penjelasan Ibnu Kathir tersebut, dapat dirumuskan bahawa, apabila berlaku sesuatu jenayah pembunuhan, wajib dilaksanakan qisas terhadap penjenayah tanpa melihat kepada status sosialnya. Hal ini termasuklah tidak melihat kepada jantina yang terbunuh dan yang membunuh. Selain itu, apabila berlaku sebarang penindasan, keadilan perlu ditegakkan dan hak sesama manusia perlu disamakan. Maka disini jelas menunjukkan wujud persamaan diantara lelaki dan wanita di dalam hukuman qisas apabila sesuatu jenayah yang mengakibatkan qisas berlaku.

Serta, menurut al-Syarbaini terdapat hadith Rasulullah yang menyatakan bahawa baginda telah mengutuskan surat kepada penduduk Yaman iaitu “Sesungguhnya lelaki akan dibunuh kerana membunuh wanita” (an-Nasa'i) (al-Syarbaini 2006: 43) Selain itu, terdapat hadis lain yang dapat dijadikan sebagai penjelasan kepada persamaan ini iaitu, sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: “Kesemua kaum muslimin adalah setaraf darah mereka” (Abu Daud, Ahmad dan Nasa'i)

Maksudnya: “Kesengajaan menimbulkan qisas”

Hadith ini membawa maksud bahawa pembunuhan yang dilakukan secara sengaja mewajibkan berlakunya qisas. Hadith ini bersifat umum iaitu tidak membezakan antara lelaki dan wanita. (Uthman al-Khasyt 2010: 434)

Menurut Ibnu Kathir, Imam Ahmad menyatakan bahawa seorang lelaki yang membunuh seorang wanita adalah tidak dikenakan qisas keatasnya, namun apa yang diwajibkan hanyalah diat. Perkara ini berdasarkan kepada riwayat beikut: “Apabila seorang lelaki membunuh seorang wanita, lelaki tersebut tidak boleh dibunuh (diqisas) disebabkan (jenayahnya) itu melainkan wajib membayar diat.” (Ibnu Kathir 2001: 473)

Di dalam permasalahan ini, ulama telah bersepakat mengatakan bahawa seorang lelaki wajib diqisas apabila membunuh wanita dan sebaliknya. Hal ini jelas apabila merujuk kepada surah al-Baqarah ayat 174, jumbuh menyatakan bahawa perkataan “qisas” membawa erti kesesuaian dan kesepadanan dan ulama Hanafiah pula mengatakan perkataan “al-qatla” membawa maksud bahawa yang perlu diqisas hanyalah pelaku jenayah iaitu pembunuh. (Wahbah al-Zuhaili 2007: 598)

Berdasarkan kepada ijma^c ulama berikut dapat di simpulkan bahawa wujud persamaan antara lelaki dan wanita di dalam hak pelaksanaan qisas apabila berlakunya jenayah yang melibatkan nyawa tanpa melihat kepada jantina.

Jenayah Kecederaan

Di dalam jenayah yang melibatkan kecederaan asas persamaan yang menjadi ukuran adalah nilai anggota badan atau bahagian tubuh badan yang terlibat dengan sesuatu jenayah. (Paizah 2004: 121) Terdapat beberapa pandangan ulama mengenai persamaan hukuman qisas dalam kesalahan mencederakan dengan sengaja antara lelaki dan wanita.

Menurut jumbuh ulama lelaki boleh diqisas dengan wanita begitu juga sebaliknya, iaitu wanita boleh diqisas dengan lelaki. Serta, tangan orang yang ramai boleh dipotong atau diqisas dengan hanya tangan seorang. (Wahbah al-Zuhaili 1997: 348)

Ini bermaksud, sekiranya seorang lelaki mencederakan seorang wanita atau sebaliknya, hukuman qisas boleh dilaksanakan terhadap penjenayah tersebut kerana adanya persamaan diantara mereka disisi syarak. Begitu juga apabila sekumpulan orang yang melukakan seorang, hukuman qisas tetap berlaku.

Manakala ulama mazhab Hanafi mengatakan bahawa jika seorang lelaki mencederakan seorang wanita atau sebaliknya, maka hukuman qisas tidak boleh dilaksanakan kerana terdapat perbezaan taraf di antara mereka berkaitan hal ini. Pada pandangan mereka anggota badan adalah sama seperti harta benda. Menurut mereka lagi, apabila tiada persamaan antara kadar diat wanita dengan diat lelaki, maka tiadalah persamaan antara mereka dalam kadar diat anggota dan apabila tiada persamaan antara *arsh* wanita dan lelaki maka terhalanglah qisas antara anggota mereka. (Wahbah Zuhaili 1997: 347)

Ini bermaksud ulama Hanafiah menafikan wujudnya qisas antara lelaki dan wanita apabila berlakunya jenayah yang melibatkan kecederaan antara lelaki dan wanita. Mereka hanya membenarkan pembayaran diat dan melarang pelaksanaan qisas.

Pandangan jumbuh yang mewajibkan qisas apabila berlaku kes yang melibatkan kecederaan diantara wanita dan lelaki atau sebaliknya dirasakan lebih tepat berbanding pandangan ulama Hanafiah. Ini kerana penulis berpendapat bahawa wujud persamaan diantara lelaki dan wanita di dalam hak melaksanakan qisas apabila berlakunya sebarang jenayah bagi mengelakkan berlaku penindasan terhadap wanita.

PERSAMAAN ANTARA MUSLIM DAN BUKAN MUSLIM DALAM HAK DILAKSANAKAN HUKUMAN QISAS APABILA MELAKUKAN JENYAH

Menurut fuqaha bagi membolehkan hukuman qisas dilaksanakan, mangsa yang dibunuh perlulah terdiri dari kalangan orang yang terpelihara atau terlidung darahnya. (Wahbah al-Zuhaili 1997: 281) Oleh itu, ulama sepakat mengatakan, seorang muslim yang membunuh seorang kafir harbi tidak akan dikenakan qisas. (Sayyid Sabiq 2009: 270) Begitu juga, apabila seorang kafir zimmi membunuh kafir harbi. Kafir zimmi tersebut tidak diqisas. Di dalam perkara ini terdapatnya persamaan antara muslim dan kafir zimmi iaitu mereka sama-sama tidak akan diqisas disebabkan membunuh kafir harbi. Selain kafir harbi, mereka juga sama-sama tidak akan diqisas jika membunuh orang yang murtad, pezina yang muhsan, orang zindiq serta pemberontak iaitu (baghi). Hal ini demikian kerana mereka yang tersebut merupakan orang yang halal darahnya disebabkan oleh penderhakaan (hirabah), murtad, perzinaan atau disebabkan pemberontakan. (Wahbah al-Zuhaili 1997: 281) Justeru itu, dapat diketahui bahawa wujud persamaan diantara muslim dan kafir iaitu kafir zimmi yang mana mereka sama-sama tidak diqisas apabila melakukan pembunuhan terhadap golongan tersebut.

Namun, dalam menentukan sama ada wujud atau tidak persamaan antara muslim dan bukan muslim di dalam hak untuk dikenakan hukuman qisas sekiranya, seorang muslim membunuh atau mencederakan zimmi atau sebaliknya dengan sengaja, para fuqaha telah berselisih pendapat di dalam penentuan tersebut. Dalam penentuan persamaan tersebut, dalil yang menjadi asas kepada perbahasan mazhab Hanafi adalah hadith Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: *“Tidak dibunuh (qisas) seorang muslim kerana membunuh orang kafir begitu juga (tidak dibunuh) orang yang memiliki (diberi) jaminan keamanan (mu’ahad) yang berada di dalam jaminan keamanan tersebut.”*

Mazhab Hanafi berpandangan, kafir yang dimaksudkan dalam hadith adalah kafir harbi. Oleh itu, sekiranya seorang muslim dan kafir mu’ahad membunuh kafir harbi, mereka tidak akan diqisas. Mereka menyatakan bahawa perkataan “orang kafir” tersebut merujuk kepada kafir harbi dan kafir mu’ahad tidak termasuk kedalamnya kerana kafir mu’ahad di sebut selepas perkataan “orang kafir” tersebut. Selain itu telah ijma^c bahawa kafir mu’ahad adalah diqisas apabila membunuh sesama mereka yang merupakan kafir zimmi. Mereka menyatakan makna asal bagi hadith tersebut adalah “Orang Islam tidak dibunuh apabila membunuh kafir harbi dan kafir muahad juga tidak diqisas kerana membunuh kafir harbi. Ini kerana, kafir muahad atau zimmi apabila membunuh sesama mereka ia akan dihukum qisas.” Oleh itu, orang Islam dan kafir Muahad atau zimmi tidak akan diqisas kerana membunuh kafir harbi. Hadith ini membuktikan terdapatnya persamaan diantara muslim dan bukan muslim dalam hak dikenakan qisas atau tidak. (Wahbah al-Zuhaili 2007: 599)

Selain mengemukakan hadith diatas, mereka turut mendatangkan qias sebagai hujah penyokong. Mereka mengqiaskan persamaan tersebut dengan perihal pemotongan tangan seorang muslim yang mencuri harta pemilikan seorang zimmi. Menurut mereka apabila keharaman harta kafir zimmi adalah sama seperti haramnya harta muslim, maka keharaman darah kafir zimmi juga adalah sama seperti haramnya darah muslim. (Wahbah al-Zuhaili 2007: 599)

Mereka mendatangkan qias menggunakan status zimmi yang terpelihara hartanya di dalam negara Islam sehinggakan walaupun orang Islam yang mencurinya, dia akan dikenakan hukuman had sama keadaannya seperti seorang Islam mencuri harta orang Islam yang lain. Disebabkan terpeliharanya harta zimmi tersebut seperti mana terpeliharanya harta orang Islam, maka

terpeliharalah darah mereka sama seperti terpeliharanya darah orang Islam. Melalui qias ini mereka menjelaskan wujud persamaan antara muslim dan bukan muslim di dalam hak melaksanakan qisas berkait dengan jenayah yang mengakibatkan qisas.

Jumhur ulama berpendapat bahawa hadith tersebut adalah sempurna maka tiada sebarang keperluan untuk mengubah bentuk asalnya dan kalimah “orang kafir” tersebut adalah umum dan tidak boleh untuk mengkususkannya dengan “harbi”. Mereka turut mengkritik qias yang digunakan oleh ulama Hanafiah. Pada mereka, qias tersebut adalah bertentangan dengan nas iaitu hadith nabi s.a.w yang bermaksud “*Orang Islam tidak dibunuh (diqisas) kerana membunuh orang kafir*”. Selain itu, hukuman had potong tangan tersebut berkaitan dengan hak Allah. Manakala qisas pula memberi kesan pada maksud *al-musawah* (persamaan) sedangkan antara muslim dan kafir tidak wujud *al-musawah*. (Wahbah al-Zuhaili 2007: 600)

Ulama mazhab Hanafi menyatakan bahawa wujud persamaan diantara muslim dan kafir dalam hak melaksanakan qisas apabila berlaku pembunuhan dan penjenayahnya adalah Islam dan mangsanya adalah kafir selain harbi. Mereka berpandangan seorang muslim dibunuh apabila membunuh kafir zimmi dan mu'ahad begitu juga jika sebaliknya yang berlaku.

Manakala jumhur pula berpendapat bahawa seorang muslim tidak akan dibunuh sekiranya membunuh kafir. Kafir pada pandangan mereka adalah sama, tiada sebarang perbezaan walaupun zimmi dan mu'ahad. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pada pandangan jumhur tiada sebarang persamaan hak perlaksanaan qisas yang wujud diantara muslim dan kafir sekiranya seorang muslim membunuh seorang kafir.

Pada pendapat penulis, pandangan mazhab Hanafi dirasakan lebih tepat iaitu menyatakan terdapat persamaan antara muslim dan kafir iaitu kafir zimmi dan mu'ahad dalam hak dilaksanakan qisas apabila berlaku sebarang jenayah yang membawa kepada hukuman qisas. Ini kerana apabila wujudnya persamaan ini, dapat membuktikan bahawa Islam merupakan agama yang adil. Semua yang melakukan jenayah akan dihukum setimpal dengan hukumannya.

PENUTUP

Wujud persamaan antara lelaki dan wanita serta muslim dan kafir di dalam jenayah yang mengakibatkan hukuman qisas. Apabila lelaki membunuh atau mencederakan wanita dan sebaliknya, mereka mempunyai persamaan iaitu dari sudut pelaksanaan hukuman qisas, mereka sama-sama akan dipertanggungjawabkan dengan jenayah tersebut iaitu wajib keatas mereka masing-masing hukuman qisas. Begitu juga keadaannya diantara muslim dan kafir. Apabila seorang muslim membunuh seorang kafir atau sebaliknya, mereka sama-sama akan dipertanggungjawabkan terhadap jenayah masing-masing. Ini membuktikan bahawa persamaan diantara mereka dalam kewajipan qisas apabila melakukan jenayah adalah wujud. Dan berdasarkan persamaan ini, pemerintah mempunyai hak untuk melaksanakan hukuman qisas terhadap mereka apabila didapati bersalah.

Di dalam kes pembunuhan sengaja didapati lelaki yang membunuh wanita akan diqisas begitu juga sebaliknya. Kenyataan ini terbukti melalui hujah-hujah yang telah diberikan oleh mereka yang mewajibkan qisas didalam jenayah tersebut. Selain itu, ulama Hanafiah telah menolak persamaan antara lelaki dan wanita apabila melibatkan kes kecederaan. Namun jumhur ulama menyatakan terdapatnya persamaan antara mereka walaupun kes tersebut melibatkan kecederaan. Ini membuktikan bahawa wujud persamaan antara lelaki dan wanita apabila berlaku jenayah kecederaan yang membawa kepada qisas. Begitu juga jenayah antara muslim dan bukan muslim. Turut wujud persamaan dalam membolehkan pemerintah menjalankan qisas terhadap mereka yang dibuktikan bersalah.

RUJUKAN

Al-Quran

- Abu al-Hasan Ali Bin Muhammad Bin Habib al-Basri al-Baghdadi al-Mawardi. 1993. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah Wa al-Wilayah al-Diniyyah*. Pentj. Uthman Bin Haji Khalid. Institut Pengajian Tradisional Islam (IPTI).
- Abu Ja'far Muhammad Bin Jarir ath-Thabari. 2008. Jil 3&9. Pentj. Ahsan Askan. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Abul Fida Ismail Ibnu Kathir ad-Damshiqi. 2001. Jil 6. Pentj. Bahrun Abu Bakar. Bandung: Penerbit Sinar Baru Algensindo Bandung.
- Al-Khatib al-Syarbaini. 2006. *Fikih Jenayah Mughni al-Muhtaj*. Pentj. Tim Manar Azhar. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Lukman Abdul Mutalib. 2014. *Tafsir Maudhu'iy Hudud, Qisas Dan Ta'zir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad as-Sayyid Sabiq. 2009. Jil 5. *Fiqh Sunnah*. Pentj. Nor Hasanuddin dan Aisyah Saipuddin. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication.
- Muhammad Mustafa al-Zuhaili. 2012. Jil 10. *Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Mazhab Shafi'i*. Pentj. Azhar Bin Yahya, Zulqarnain Bin Dollah dan Fadilah Binti Yaacob. Kuala Lumpur: Persekutuan Seruan Islam (JAM'IAH) Selangor Dan Wilayah Persekutuan.
- Muhammad Uthman al-Khasyt. 2010. *Fiqh Wanita Empat Madzhab*. Pentj. Abu Nafis Ibnu Abdurrohman. Bandung: Penerbit Khazanah Intelektual.
- Paizah Haji Ismail. 2004. *Status Wanita Dalam Undang-undang Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Syaikh Abdul Rahman al-Jazairi. 2011. Jil 4&5. *Fiqh 4 Mazhab*. Pentj. H.M.Yusuf Sinaga, H.M. Abdurrahman Saleh Siregar dan H.Muhammad zuhirsyan. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Wahbah al-Zuhaili. 1997. Jil 6. *Fiqh Dan Perundangan Islam*. Pentj. Ahmad Shahbari Salamon. Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2004. Jil7. *Al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*. Damshiq: Dar al-Fikr, 2007. Jil 7. *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*. Pentj. Abdul Hayyie al-Kattani. Jakarta: Gema Insani dan Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2012. Jil 6. *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami Wa al-Qadaya al-Mu'asirah*. Damshiq: Dar al-Fikr.